

Headline	Usahawan jangan ali baba projek jika mahu maju		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	19 Nov 2016	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	16
Section	Ekonomi	Journalist	N/A
ArticleSize	454 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 26,919		



# Usahawan jangan ali baba projek jika mahu maju

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 18 NOV.

**U**SAHAWAN disarankan supaya tidak mengalibabakan projek yang diberikan jika mereka mahu terus berjaya dalam perniagaan sekali gus membantu memajukan ekonomi bumiputera.

Pengerusi Eksekutif Indkom Engineering Sdn. Bhd., Sheikh Mohsin Sheikh Marai berkata, sebagai syarikat yang membekalkan kotak suis kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB), prinsip tersebut menjadi amalananya ketika memulakan perniagaan pada 1991 sehingga perniagaan yang dijalankan berkembang maju.

Justeru, katanya, apabila diberi kepercayaan sebagai vendor di bawah Program Pembangunan Usahawan TNB pada 1995, beliau tidak melepaskan peluang dan melaksanakan amanah yang diberikan dengan bersungguh-sungguh.

"Ini kerana, di awal pembabitan dalam bidang ini, ramai yang tidak yakin dengan perniagaan yang ingin diusahakan. Bermula daripada itu, saya meletakkan satu sasaran bagi memastikan produk yang saya keluarkan diterima.

"Alhamdulillah, saya berteri-

ma kasih kepada TNB kerana memberi peluang dan memperbaiki produk yang dihasilkan. Bagaimanapun, ia hanya permulaan dan sebagai seorang usahawan kita perlu berfikiran kreatif untuk mempelbagaikan produk."

Setakat ini, Indkom Engineering Sdn. Bhd., telah menge luarkan lebih daripada 10 jenis produk di mana produknya merupakan kajian kumpulan juruterma bumiputera dan berjaya mendapat pengiktirafan serta sijil dari makmal antarabangsa di India, Itali dan United Kingdom.

Dalam pada itu, Mohsin berkata, penjagaan kualiti sesebuah produk amat penting supaya perniagaan yang diusahakan berkembang maju dan kepercayaan pelanggan dapat dikekalkan.

"Usahawan yang berjaya tidak hanya memperbaiki keuntungan semata-mata tetapi menitikberatkan kualiti sesuatu produk supaya perniagaan yang dijalankan dapat dipasarkan di peringkat lebih tinggi.

"Ini dapat dilihat apabila perolehan syarikat yang dahulu RM10 juta setahun kini mencecah RM150 juta," katanya.

Sementara itu, kata Mohsin,

usahawan-usahawan juga perlu meletakkan sasaran agar produk-produk mereka dapat memenuhi piawaian antarabangsa agar dapat menembusi pasaran serantau maupun global supaya tidak hanya bergantung kepada permintaan daripada pasaran domestik termasuk untuk kerajaan atau syarikat milik kerajaan (GLC) sahaja.

"Buat masa ini, kita telah mengeluarkan kotak suis baharu, Ring Man Unit (RMU) dengan Vakum Pemutus Litar di negara

Arab Saudi, di mana produk ini tidak memerlukan seseorang mengendalikannya secara terus tetapi hanya perlu menggunakan alat kawalan jauh sahaja. Bagi merealisasikan permintaan di Asia Barat, kami menubuhkan satu syarikat usaha sama dengan syarikat di Arab Saudi dan membina sebuah kilang di Riyadh.

"Selain itu, jangan sesekali kita kedekut untuk melabur kerana pelaburan ini sebenarnya membantu menambahkan pendapatan syarikat. Terbaharu, syarikat telah membeli sebuah mesin pemotong laser berharga kira-kira RM2 juta bagi menambah mutu keluaran produk," katanya.

Headline	Usahawan jangan ali baba projek jika mahu maju		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	19 Nov 2016	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	16
Section	Ekonomi	Journalist	N/A
ArticleSize	454 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 26,919		



## Pencapaian Indkom Engineering Sdn. Bhd.

**1995**  
Dilantik sebagai vendor di bawah **Program Pembangunan Usahawan**

**1998**  
Mendapat pengiktirafan MS **ISO 9002:1994** 'Sistem Kualiti' daripada SIRIM QAS Sdn. Bhd.

**2001**  
**Anugerah Industri Selangor** kategori Rekabentuk Produk.

**2002**  
Mendapat pengiktirafan MS **ISO 9001:2000** 'Sistem Pengurusan Kualiti' daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

**2005**  
**Anugerah Kualiti Perdana Menteri.**

**2006**  
**Anugerah Kecemerlangan Industri** daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

SHEIKH MOHSIN  
SHEIKH MARAI